

13/10/2000

Pelajar negara perlu berpijak di bumi nyata

Azman Abdul Hamid

BERSATU kita teguh, bercerai kita roboh. Itulah nasihat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada pelajar Malaysia yang mendengar ucapannya di Universiti Cambridge, minggu lalu.

Sebagai generasi yang bakal mewarisi negara, pelajar boleh disifatkan sebagai golongan pemikir dan seharusnya berupaya menganalisis perkembangan semasa, sama ada di tanah air mahupun pada peringkat antarabangsa.

Pelajar seharusnya dapat menganalisis secara objektif mengapa negara Asia teruk dilanda krisis kewangan kira-kira dua tahun lalu.

Adakah pemimpin Asia benar-benar bersalah, atau ada cubaan pihak tertentu untuk memusnahkan ekonomi rantau berkenaan?

Pelajar juga tentunya mengikuti pelbagai kejadian yang berlaku di seluruh dunia, sama ada di Palestin, Kosovo, Zimbabwe dan tempat lain.

Serentak itu, mereka tentu dapat membuat kesimpulan berdasarkan anggapan dan sentimen peribadi mengenai pengajaran daripada penindasan rakyat Palestin oleh Israel, tindakan penduduk kulit hitam Zimbabwe menyerang ladang milik kulit putih dan sejauh mana bantuan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) berjaya memulihkan ekonomi negara Asia serta mengapa pentadbiran Dr Mahathir diakui berjaya mengatasi kegawatan tanpa bantuan agensi itu.

Dalam hal ehwal dalam negara, mereka sewajarnya sudah menerima pengajaran daripada tragedi 13 Mei dan kejayaan pentadbiran Dr Mahathir mengatasi kegawatan ekonomi selain berusaha ke arah memenuhi matlamat Wawasan 2020.

Paling penting ialah pelajar Malaysia seharusnya berpijak di bumi nyata.

Jadi, tepat pada masanya bagi Perdana Menteri mengingatkan mereka mengenai perbezaan amalan dan tradisi kepemimpinan di Malaysia dengan negara lain, termasuk rasional di sebalik dasar itu.

Pertama, sebagai negara yang berbilang kaum, adalah penting bagi pemimpin semua kaum bekerjasama dalam pemerintahan negara. Kedua, demokrasi mestilah berdasarkan konsep sendiri.

Itulah intipati ucapannya yang bertajuk 'Malaysia pada alaf baru' yang disampaikan kepada kira-kira 400 pelajar Malaysia di universiti itu.

Menurut Dr Mahathir, kerjasama dan kestabilan politik di Malaysia diasaskan oleh bekas Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman, dan disambung pemimpin selepas itu hingga ke hari ini.

"Selepas berjaya mewujudkan kerjasama dan kestabilan politik di Malaysia, ia membolehkan rakyat meneruskan usaha membangunkan negara. Tiada dasar atau pendekatan radikal digunakan," katanya.

Dalam soal demokrasi, Dr Mahathir mengakui, ada pihak mendakwa memilih parti yang sama secara berulang kali adalah tidak demokratik dan dengan itu ada kemungkinan Malaysia kerap bertukar kerajaan pada masa depan.

Mungkin sukar bagi semua orang, termasuk pelajar, bersikap objektif dalam semua perkara.

Ini berdasarkan satu soalan seorang pelajar yang bertanya Perdana Menteri mengapa Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, tidak dipecat selepas pendedahan adanya 100,000 lesen terbang.

Dr Mahathir menjawab: "Dr Ling tidak terbabit dalam perkara itu. Kalau saya memecat beliau atau menteri lain setiap kali perkara seumpama ini berlaku, tentu banyak Kabinet perlu dibentuk."

Berdasarkan reaksi dan tepukan gemuruh mereka dengan jawapan Dr Mahathir, boleh diyakini pelajar Malaysia di Universiti Cambridge dan

daripada seluruh Britain yang hadir, menerima hujah Perdana Menteri.

Dalam soal demokrasi, beliau menegaskan: "Demokrasi bertujuan berkhidmat untuk kita, bukannya kita yang berkhidmat untuk demokrasi. Kita tahu apa yang baik buat kita."

Kerajaan Barisan Nasional (BN) yang memerintah sejak 43 tahun lalu, mempunyai rekod cemerlang.

Di bawah teraju BN, pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Jambatan Pulau Pinang dan industri kereta Proton, antaranya, memberi hasil membanggakan.

KLIA diiktiraf sebagai antara lapangan terbang terbaik di dunia, jambatan Pulau Pinang membawa pembangunan lebih pesat kepada Pulau Mutiara hingga ada keperluan untuk membina jambatan baru, manakala Proton pula maju hingga mampu membeli Lotus, legenda pemotoran Britain.

Perdana Menteri juga meminta pelajar menimbang sama ada mereka mahu demokrasi semata-mata kerana mahu dilihat mengamalkan demokrasi atau mahu demokrasi kerana menerima faedah daripada pelaksanaannya.

Apakah pula sumbangan parti pembangkang yang mendakwa kononnya mereka memperjuangkan keadilan dan hak asasi manusia sedangkan Pas dan DAP berkempen supaya rakyat membenci kerajaan?

"Mereka tidak mengemukakan cadangan atau dasar sendiri untuk membangunkan negara, sebaliknya semata-mata berkempen supaya semua orang bencikan kerajaan. Benci adalah emosi yang kuat. Ia boleh merangsang manusia melakukan apa yang tidak disangka.

"Malaysia di bawah pentadbiran Pas tidak akan stabil. Malaysia mungkin melangkah ke belakang. Dasar dalaman dan luar negara juga tidak akan berjaya.

"Walaupun mendakwa mana-mana kerajaan pun mampu buat apa yang BN sudah lakukan, nak membekalkan air kepada Kelantan pun mereka tidak mampu," kata Dr Mahathir.

Beliau percaya, selain peristiwa 13 Mei berkemungkinan berulang, insiden keganasan kumpulan Al-Maunah di Sauk juga boleh berlaku lagi jika kempen membenci itu tidak dihentikan.

Berikutan itu, Dr Mahathir menaruh kepercayaan bahawa pelajar akan membuat pilihan untuk terus menyokong kerajaan BN bagi membolehkan negara dan bangsa melangkah ke depan.

"Saya percaya senario yang akan menjadi kenyataan di Malaysia ialah negara akan mencapai status negara maju pada alaf baru hasil usaha 30 juta penduduk yang cintakan keamanan hingga mendapat kepercayaan dunia," katanya.

(END)